

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)60

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

60. Kesesakan jalan raya Bayan Lepas ke Balik Pulau menghantui pengguna jalan raya.
- (a) Sejauh manakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu ini?
 - (b) Adakah *Penang Transport Master Plan* (PTMP) menolak kepentingan keutamaan pembesaran atau kepentingan jalan ini?
 - (c) Berapakah kos pembinaan Jalan Bukit Kukus dibiayai Kerajaan Negeri?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

60. (a) Kesesakan jalan raya dari Bayan Lepas ke Balik Pulau berlaku semasa waktu puncak pagi dan petang. Jalan ini merupakan jalan Persekutuan di bawah bidang kuasa pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKR). Pihak JKR telah memohon cadangan untuk menaik taraf Jalan Teluk Kumbar melalui peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia

Keduabelas (RMKe-12). Permohonan berkenaan masih di peringkat penilaian oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mensyaratkan kepada pemaju yang bercadang untuk melaksanakan projek pembangunan baharu di kawasan Teluk Kumbar untuk menambah skop kerja bagi pelebaran Jalan Teluk Kumbar di kawasan tapak pemajuan.

- (b) Pihak Kerajaan Negeri kini sedang dalam tindakan pelaksanaan projek Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) yang merangkumi komponen-komponen projek *Bayan Lepas Light Rail Transit* (BLLRT), Projek-Projek Lebuhraya dan *Penang South Reclamation*(PSR) sebagai Projek Transformasi Ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang. Buat masa ini, komponen-komponen PTMP yang diberi keutamaan untuk pelaksanaan di Fasa 1 adalah BLLRT dan Lebuhraya *Pan Island Link 1* (PIL1). Projek-projek ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang semakin serius di kawasan

bandar, perindustrian dan perumahan berketumpatan tinggi.

Berdasarkan kajian PTMP, unjuran bilangan pengguna pengangkutan awam dari kawasan Bayan Lepas sehingga Balik Pulau pada tahun 2030 tidak mewajarkan penyediaan Sistem *Light Rail Transit* (LRT) di koridor berkenaan. Walaupun cadangan BLLRT tidak meliputi kawasan Balik Pulau buat masa ini, perkara ini boleh dikaji semula pada masa hadapan mengikut keperluan dan unjuran pengguna setelah pembinaan Fasa 1 dari KOMTAR ke Permatang Damar Laut diselesaikan. Apabila perkhidmatan BLLRT bermula, penduduk di kawasan Pekan Bayan Lepas, Sungai Batu, Teluk Kumbar, Genting dan Gertak Sanggul boleh menggunakan perkhidmatan bas perantara (*feeder service*) yang akan beroperasi dalam lingkungan 3 kilometer dari stesen LRT Permatang Damar Laut dan stesen LRT *Penang Airport*. Penduduk di kawasan selatan Negeri Pulau Pinang boleh menggunakan perkhidmatan ini untuk berulang-alik antara kediaman mereka dan stesen LRT.

Manakala dalam perancangan masa hadapan, Lebuhraya *Pan Island Link 2* (PIL 2) dirancang di kawasan Teluk Kumbar. Lebuhraya PIL 2 akan menghubungkan Lebuhraya PIL 1 dan kawasan tambakan Pulau B dalam projek PSR untuk memastikan kelancaran pergerakan lalu lintas di kawasan tersebut.

- (c) Kos Projek Pembinaan Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong (Jalan Bukit Kukus) oleh Kerajaan Negeri melalui pihak MBPP dianggarkan sebanyak RM 278,690,000.00.